

SKOR

Peratus

Gred

KERTAS
MODEL

2

Ujian Akhir Sesi Akademik

Tahun 4

SEJARAH

[019]

1 jam 15 minit

Nama

Kelas

ARAHAN:

1. Buka kertas ujian ini apabila diberitahu.
2. Tulis nama dan kelas kamu pada ruang yang disediakan.
3. Jawapan kamu hendaklah ditulis pada ruang jawapan yang disediakan di dalam kertas ujian ini.
4. Kertas ujian ini hendaklah diserahkan kepada guru bertugas pada akhir ujian.



JSU

<https://qr.pelangibooks.com/?u=SejThn4JSUSet2>

Untuk Kegunaan Pemeriksa

Nama Pemeriksa:

Bahagian	Soalan	Markah Penuh	Markah Diperoleh
A	1 – 20	20	
B	1	5	
	2	5	
	3	5	
	4	5	
C	1	5	
	2	5	
Jumlah		50	



Bahagian A
[20 markah]
Jawab semua soalan.

1. Gambar berikut menunjukkan sumber sejarah.



Apakah sumber sejarah tersebut?


- A Fosil
B Risalah
C Artifak
D Manuskrip
2. Gambar berikut menunjukkan satu kaedah penyelidikan sejarah yang menggunakan orang sumber.



Apakah kaedah penyelidikan sejarah tersebut?

- A Penulisan
B Arkeologi
C Ekskavasi
D Lisan
3. Dokumen X boleh digunakan untuk urusan pendaftaran sekolah.
Apakah dokumen X?
- A Sijil kematian
B Sijil kelahiran
C Sijil pekerjaan
D Sijil perkahwinan
4. Apakah kepentingan mempelajari sejarah sekolah?
- A Sentiasa menghargai sekolah
B Mengetahui pencapaian sekolah
C Mengenali barisan pentadbir sekolah
D Menunjukkan rasa cinta terhadap sekolah

5. Gambar berikut berkaitan dengan keunikan gua batu kapur.




Apakah bentuk muka bumi kawasan tersebut?

- A Tanah pamah
 - B Pesisir pantai
 - C Berbukit-bukau
 - D Pinggir sungai
6. Apakah punca berlakunya kecairan air batu?
- A Pengglasieran
 - B Kenaikan paras air laut
 - C Peningkatan suhu bumi
 - D Suhu bumi semakin rendah
7. Antara berikut, yang manakah haiwan pada Epok Pleistosen?
- I *Sloth*
 - II Gajah
 - III Badak sumbu
 - IV Harimau bertaring lengkung
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
8. Mengapakah manusia Zaman Air Batu bergerak keluar ke kawasan yang lebih panas?
- A Berdagang
 - B Mencari hasil hutan
 - C Mencari sumber makanan
 - D Membina petempatan baharu



9. Rajah berikut menunjukkan ciri manusia zaman prasejarah.




Apakah zaman X?

- A Zaman Logam
- B Zaman Neolitik
- C Zaman Paleolitik
- D Zaman Mesolitik

10. Apakah maksud monumen?

- A Pintu gerbang istana atau kuil
- B Peralatan yang digunakan untuk memburu
- C Bahan peninggalan manusia zaman prasejarah
- D Bangunan yang dibina untuk memperingati peristiwa penting

II. Peta berikut menunjukkan lokasi Zaman Mesolitik di negara kita.



Apakah lokasi X?

- A Gua Musang, Kelantan
- B Bukit Jawa Lenggong, Perak
- C Sungai Tembeling Jerantut, Pahang
- D Gua Bewah, Hulu Terengganu, Terengganu



12. Mengapakah pedagang singgah untuk berdagang di Kepulauan Melayu?
- A Mempunyai pelabuhan
 - B Terdapat kapal dagang yang besar
 - C Menjamin keselamatan pedagang
 - D Mempunyai bahan galian yang banyak
13. Antara berikut, yang manakah peranan Bendahara Tun Perak?
- I Meluaskan empayar Melaka
 - II Menjadi utusan Kesultanan Melayu Melaka
 - III Menguruskan pentadbiran secara sistematik
 - IV Menunjukkan kesetiaan tinggi terhadap pemerintah
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
14. Apakah peranan Laksamana Hang Tuah?
- A Mengukuhkan empayar Melaka
 - B Menguruskan pentadbiran Melaka
 - C Memastikan keselamatan perairan Melaka
 - D Mengasaskan Kesultanan Melayu Melaka
15. Apakah nama lama bagi Singapura?
- A Muar
 - B Temasik
 - C Palembang
 - D Majapahit
16. Mengapakah Temagi dibunuh oleh Parameswara?
- A Parameswara berpakat dengan Siam
 - B Parameswara ingin memerintah Temasik
 - C Perebutan kuasa antara Temagi dan Parameswara
 - D Temagi merancang untuk membunuh Parameswara
17. Antara berikut, yang manakah peranan Bendahara Tun Perak sebagai penasihat sultan?
- I Menjadi utusan Melaka
 - II Menjaga perairan Melaka
 - III Menasihati sultan supaya mengikut ajaran Islam
 - IV Menasihati sultan dalam hal ehwal pemerintahan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV



18. Mengapakah Bendahara Tun Perak menulis surat kepada Raja Siam?

- A Melakukan penaklukan
- B Menjalinkan persahabatan
- C Mengadakan perjanjian perdagangan
- D Menyatakan persetujuan perkahwinan

19. Maklumat berikut berkaitan dengan tokoh pada Zaman Kesultanan Melayu Melaka.

- Tokoh terbilang Zaman Kesultanan Melayu Melaka
- Dilantik menjadi laksamana kerana kebijaksanaannya

Siapakah tokoh tersebut?

- A Hang Tuah
- B Hang Jebat
- C Hang Lekir
- D Hang Kasturi

20. Mengapakah Sultan Melaka menjatuhkan hukuman bunuh terhadap Laksamana Hang Tuah?

- A Hang Tuah telah difitnah
- B Hang Tuah berpihak kepada Siam
- C Hang Tuah menderhaka kepada sultan
- D Hang Tuah tidak menjalankan tugasnya

Bahagian B
[20 markah]
Jawab semua soalan.

1. Isi tempat kosong tentang keluarga dan peranan keluarga.

membantu

belajar bersungguh-sungguh

Keluarga asas

Keluarga kembangan

menyara keluarga

- (a) _____ ialah keluarga yang terdiri daripada bapa, ibu dan anak.
- (b) _____ ialah sebuah keluarga yang terdiri daripada keluarga asas, datuk dan nenek.
- (c) Peranan utama ibu bapa terhadap keluarga ialah _____.
- (d) Anak-anak harus _____ agar menjamin masa depan yang cerah.
- (e) Ahli keluarga mestilah saling bertolak ansur dan saling _____ antara satu sama lain.

[5 markah]

2. Nyatakan aktiviti yang sesuai dijalankan berdasarkan ciri-ciri kawasan tempat tinggal.

pertanian

perikanan

pelancongan

peranginan

pelabuhan

- (a) Kawasan tanah tinggi sentiasa sejuk dan nyaman.
 Kawasan ini sesuai untuk dijadikan kawasan _____.

- (b) Kawasan ini rata dan rendah.
 Kawasan ini sangat sesuai untuk menjalankan aktiviti _____.



(c) Kawasan ini dikelilingi laut dan sering dikunjungi orang.

Kawasan ini sesuai untuk aktiviti _____.

(d) Penduduk di kawasan ini bergantung kepada laut untuk menyara hidup.

Penduduk di sini menjalankan aktiviti _____.

(e) Kawasan ini dijadikan jalan perhubungan dan pengangkutan malah sangat sesuai dijadikan _____.

[5 markah]

3. Tuliskan BETUL atau SALAH pada pernyataan berkaitan dengan kerajaan Melayu awal.

(a) Kerajaan Funan merupakan kerajaan awal di Alam Melayu.

(b) Candi Bukit Batu Pahat di Lembah Bujang merupakan candi Kerajaan Kedah Tua.

(c) Alam Melayu merangkumi gugusan kepulauan dan tanah besar di bahagian Asia Timur.

(d) Monumen dibina untuk melambangkan kejayaan pemerintah.

(e) Candi Muara Jambi dibina semasa kerajaan Srivijaya.

[5 markah]

4. Pilih jawapan yang betul.

(a) _____ merupakan pemerintah tertinggi dalam pentadbiran negeri.

Sultan

Pembesar

(b) _____ dilantik oleh sultan untuk membantu baginda dalam pentadbiran negeri.

Rakyat

Pembesar

(c) _____ merupakan penduduk Melaka yang merupakan pengikut sultan dan pembesar.

Pembesar

Rakyat

(d) _____ merupakan simbol perpaduan rakyat.

Sultan

Rakyat

(e) _____ merupakan orang suruhan sultan dan pembesar.

Rakyat


Hamba

[5 markah]



Bahagian C
[10 markah]
Jawab semua soalan.

1. Rajah berikut menunjukkan struktur masyarakat pada Zaman Kesultanan Melayu Melaka.



- (a) Nyatakan peranan sultan dalam struktur masyarakat Zaman Kesultanan Melayu Melaka.

[2 markah]

- (b) Bagaimanakah caranya seseorang pemimpin negara menjaga rakyatnya?

[3 markah]

2. Tun Perak ialah bendahara terbilang pada Zaman Kesultanan Melayu Melaka.

(a) Siakah sultan yang melantik Tun Perak sebagai Bendahara Melaka?

[1 markah]

(b) Apakah tugas Tun Perak dalam Kesultanan Melayu Melaka?

[2 markah]

(c) Apakah nilai-nilai murni yang perlu dimiliki oleh seseorang pembesar?

[2 markah]